

ORIGINAL ARTICLE



SOSIOEKONOMI KELUARGA SEBAGAI FAKTOR PENDORONG GEJALA GANGSTERISME MURID INDIA PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH MENENGAH

FAMILY SOCIOECONOMIC STATUS AS AN IMPULSE FACTOR OF GANGSTERISM AMONG INDIAN MORAL EDUCATION STUDENT IN SECONDARY SCHOOL

Sreetharan Marimuthu*¹, Nedujchelyn Malayalam ²,
Sukadari ³

¹ Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: sriwirajaya@yahoo.com

² School of Education and Social Sciences, Veritas University College, BAC, Malaysia.

Email: neduj_25757@yahoo.com

³ Faculty of Social Science, University PGRI Yogyakarta, Indonesia.

Email: sukadariupy@gmail.com

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/97>

Abstract

This study is aimed to examine the family's socioeconomic status which drives the symptoms of gangsterism among Indian Moral Education students from the Kuala Lumpur Federal Territory National Secondary Schools. This study was conducted via survey design using the Parent and Peer Attachment Inventory (IPPA) questionnaire. Using purposive sampling technique a total of 234 students were selected as respondents. The data collected were analysed using SPSS version 23.0, and descriptive and inference methodology was presented to the results. The results of one-way ANOVA revealed significant relationships and strong correlations between components such as residential social environment, family income, level of parental education, family institution, self and peers influence. High mean scores suggest these six components contribute to the involvement of gangster symptoms. The finding indicates that a major relationship exists between the family's socioeconomic status as a driving factor in the symptoms of gangsterism among Indian Moral Education students from the National Secondary Schools. These results also have consequences for students, teachers, parents, community leaders, ministries of education, and NGOs in general. Nevertheless, a more extensive study should be carried out in all the states of Malaysia to examine the degree of "threat" to social, economic and political stability of these symptoms.

Keywords: Socioeconomic Status, Family Institution, Peer Group, Gangsterism, Moral Education.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan taraf sosioekonomi keluarga yang mendorong gejala gengsterisme dalam kalangan murid India Pendidikan Moral Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (*survey*) dengan menggunakan instrumen soal selidik *Inventory of Parent and Peer Attachment* (IPPA). Seramai 234 orang murid dipilih menjadi responden dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data yang dikumpul dianalisis menggunakan SPSS Versi 23.0 dan hasil dapatan dipersembahkan secara diskriptif dan inferensi. Keputusan ANOVA sehala menunjukkan hubungan signifikan serta wujud korelasi yang kuat di antara persekitaran sosial tempat tinggal, pendapatan seisi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa, institusi kekeluargaan, diri sendiri dan rakan sebaya. Skor min yang tinggi menunjukkan keenam-enam komponen ini menyumbang kepada penglibatan ke dalam gejala gengsterisme. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan di antara taraf sosioekonomi keluarga sebagai faktor pendorong gejala gengsterisme dalam kalangan murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah. Hasil kajian mempunyai implikasi terhadap pelajar, guru, ibu bapa, pemimpin masyarakat, pihak kementerian pendidikan dan pihak NGO. Kajian yang lebih luas dan mendalam perlu dilaksanakan di semua negeri di Malaysia untuk meninjau tahap "ancaman" gejala ini kepada kestabilan sosial, ekonomi dan politik negara.

Kata Kunci: Sosioekonomi Keluarga, Institusi Kekeluargaan, Rakan Sebaya, Gengsterisme, Pendidikan Moral.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 1th June 2020, revised 27th June 2020, accepted 10th July 2020

Pengenalan

Gejala gengsterisme merupakan isu yang banyak diperkatakan dan menjadi buah mulut masyarakat Malaysia sejak akhir-akhir ini. Kes penularan gejala gengsterisme dalam kalangan murid sekolah, khasnya di sekolah-sekolah menengah menghiasi dada-dada akhbar tempatan saban hari. Menurut Alagappar et al. (2005)¹ gejala gengsterisme dalam kalangan remaja dan belia dipersekitaran bandar raya kian meningkat. Badan indeks penyiasatan jenayah dunia, *Numbeo Crime Index for Country* (2018)² mencatatkan bahawa Malaysia antara negara yang tersenarai dalam indeks negara paling tinggi kes jenayah direkodkan dan negara ini disenaraikan sebagai negara tidak selamat sejak tahun 2016 sehingga kini. Kajian antarabangsa *Numbeo Crime for*

Country (2018)² juga menunjukkan bahawa, Malaysia berada di tangga ke-15 dalam indeks jenayah dunia. Dapatan kajian tersebut membuktikan negara kita mencatatkan kadar 63.05 kes jenayah dalam populasi 100,000 orang. Data ini telah direkodkan oleh *Numbeo (International Travel Website World Atlas)* setelah membuat kajian terhadap 118 buah negara di dunia.

Pada masa yang sama, dalam satu lagi kajian antarabangsa *World of Buzz* (2017)³ negara kita telah direkodkan berada pada kedudukan tangga teratas (Nombor 1), dalam indeks jenayah di Asia Tenggara. Malah, Malaysia tersenarai sebagai sebuah negara yang paling berbahaya dan tidak selamat di rantau Asia Tenggara secara keseluruhan (<https://www.worldofbuzz.com>). Dalam pada itu, penelitian dapatan kajian tentang bandar raya berjenayah tinggi di rantau Asia, mencatatkan bahawa Selangor dan Kuala Lumpur menduduki tempat teratas dalam senarai bandar raya berbahaya (<https://www.osac.gov>). Menurut IGP Khalid Abu Bakar (2017)⁴ memandangkan gejala gengsterisme kian menular dalam negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan tiga skuad elit iaitu Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gengsterisme (STAGG), Pasukan Khas Taktikal Narkotik (STING) dan Pasukan Khas Jenayah Terancang (STAFOC). Menurut beliau skuad-skuad ini ditubuhkan untuk menangani masalah jenayah yang kian berleluasa di persekitaran bandar raya. PDRM telah mengenal pasti bahawa 42.4% daripada jumlah jenayah di Malaysia dalam jangka masa 2010 hingga 2017 berlaku di Kuala Lumpur dan Selangor (Rueben, 2019)⁵.

UNICEF (2010)⁶ telah mencatatkan sebanyak 19% daripada jumlah populasi negara Malaysia iaitu seramai 5.5 juta populasi remaja berada dalam lingkungan usia 10-19 tahun. Daripada 5.5 juta remaja, sebanyak 25% iaitu seramai 1.4 juta remaja berada dalam klasifikasi kumpulan berisiko tinggi. Jelasnya, sekiranya 1.4 juta remaja/pelajar tersebut tidak diberi latihan kemahiran pemikiran yang secukupnya oleh tenaga pengajar yang berkualiti di sekolah, maka gejala antisosial gengsterisme akan kian berleluasa dalam kalangan remaja/pelajar sekolah khususnya pelajar Pendidikan Moral India (Abdul Kadir et al., 2012)⁷. Tambahan pula, kajian-kajian lepas turut membuktikan bahawa kebanyakan kes penagihan najis dadah, keganasan gengsterisme dan berkelakuan tak bermoral sememangnya bermula semasa para remaja masih berada di bangku persekolahan (Seffetullah Kuldass et al., 2015)⁸. Dalam pada itu, didapati kadar jenayah gejala antisosial gengsterisme dan keruntuhan moral kian meningkat dalam kalangan remaja khususnya pelajar sekolah (Azizi Yahaya & Badruzaman Baharom, 2006)⁹.

Kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), tentang “*Gengsterisme Dalam Kalangan Sekolah Menengah*” telah mendedahkan bahawa salah laku serius yang berputik daripada Sekolah Menengah Kebangsaan adalah dipengaruhi oleh gejala gengsterisme samseng. Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2012)¹⁰ mencatatkan bahawa daripada jumlah pelajar seramai 110,218 yang bermasalah disiplin sebanyak 66.1% (72,854 pelajar) adalah daripada Sekolah Menengah manakala sebanyak 33.9% (37,364 pelajar) merangkumi murid Sekolah Rendah. Selanjutnya, PDRM menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti sebanyak 402 buah sekolah “Hotspot” Gred 1 dan Gred 3 di seluruh negara.

Sekolah “Hotspot” merujuk kepada masalah disiplin yang berunsurkan jenayah gengsterisme dan penyalahgunaan najis dadah (Mahdzir Khalid, 2017)¹¹. Gejala gengsterisme di Sekolah Menengah Kebangsaan telah menimbulkan suasana pembelajaran yang tidak selamat di sekolah. Kini, hampir setiap sekolah di serata dunia menghadapi masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Kes-kes keganasan yang popular di sekolah-sekolah di negara kita ialah kes keganasan membuli dan diikuti dengan ponteng sekolah. Murid-murid yang tersabit dalam kes-kes keganasan membuli dan pergaduhan gengsterisme lazimnya dibuang sekolah (Nooraisah Katmun et al., 2014)¹². Persoalannya adalah, setelah pelajar delinkuen ini dibuang daripada alam persekolahan, apakah nasib mereka tanpa pendidikan dan pedoman? Laporan myMetro, Rohani Abdul Karim (2017)¹³ menjelaskan tindakan dan akibat membuang pelajar delinkuen daripada alam persekolahan, menurut beliau golongan ini mempunyai peluang terbuka untuk terlibat dalam gejala antisosial secara langsung.

Jawapan yang paling jitu berkenaan tindakan buang sekolah adalah, pelajar delinkuen yang tercicir ini akan menjadi “feeder” ataupun “rekrut” bagi sindiket dadah serta segala gejala antisosial yang menentang norma-norma masyarakat setempat (Rosalwani Che Soh, 2015)¹⁴. Kebanyakan pelajar dari sekolah-sekolah di persekitaran bandar raya merupakan golongan yang lebih terdedah kepada gejala antisosial gengsterisme berbanding dengan pelajar dari luar bandar (Nilay Ozkan Kuyel, 2002)¹⁵. Laporan PDRM (2012)¹⁶ mencatatkan sebanyak 1.43% kes melanggar peraturan disiplin sekolah dan 0.32% kes gejala antisosial gengsterisme melibatkan pelajar-pelajar dari sekolah berlokasi di bandar raya. Di samping itu, laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2013)¹⁷ meyakinkan bahawa masalah penagihan dan pengedaran najis dadah sememangnya bermula daripada pelajar devian yang bersubahat dengan geng-geng yang sedia wujud (Suppiah Nachiappan et al., 2014)¹⁸. Tuntasnya, gejala antisosial gengsterisme yang berputik dari alam persekolahan menengah kini telah mengancam keselamatan masyarakat setempat (Lee Lam Thye, 2017)¹⁹.

Ternyata, wujud pelbagai faktor yang menyebabkan keruntuhan moral dalam kalangan pelajar seperti mana yang dinyatakan oleh Lawrence Kohlberg dalam Teori Pembentukan Moral (1969)²⁰. Dalam pada itu, masalah delinkuen pelajar India Pendidikan Moral dan remaja India secara umum seharusnya dikaji dari sudut latar belakang sosioekonomi keluarga, masalah peribadi remaja tersebut dan pengaruh rakan sebaya devian (Seffetullah Kuldass et al., 2015)⁸. Justeru, dengan hanya menuding jari kepada pihak sekolah dan sistem Pendidikan Moral di sekolah sahaja tidak memadai (Badruzaman, 2006)²¹.

Tuntasnya, isu pergaduhan dan gengsterisme yang bertapak di sekolah menengah kebangsaan telah memberi impak yang serius kepada kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial serta pembentukan akhlak mulia dan citra negara di kaca mata dunia. Index jenayah yang tinggi di bandar-bandar besar juga memberi impak kepada murid-murid sekolah-sekolah yang

berada di kawasan bandar raya (Amar Singh, 2005)²². Malah perkara yang disegani ibu bapa adalah penularan gejala gengsterisme di sekolah-sekolah menengah khususnya dalam kalangan murid India Pendidikan Moral. Masalah ini perlu dibendung dengan secepat mungkin sebelum ia mempengaruhi lebih ramai pelajar daripada melibatkan diri dalam gejala antisosial gengsterisme. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan taraf sosioekonomi keluarga yang mendorong gejala gengsterisme dalam kalangan murid India Pendidikan Moral Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Metodologi kajian

● Reka Bentuk Kajian

Menurut Bogdan dan Biklen (1998)²³ reka bentuk kajian seharusnya bersesuaian dengan persoalan dan objektif kajian. Dalam pada itu, penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat bagi menerangkan sesuatu masalah yang sedang berlaku dalam sekolah dan luar perkarangan sekolah (Mohd Majid Konting, 1998)²⁴. Kajian ini dijalankan dalam pendekatan kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan “*survey*” soal selidik untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh-ubah tak bersandar *taraf sosioekonomi keluarga dan pengaruh rakan sebaya* dan pemboleh-ubah bersandar *penglibatan murid India Pendidikan Moral dalam gejala gengsterisme* (Kerlinger, 1970)²⁵.

● Persampelan Kajian

Persampelan kajian ini dipilih daripada 7 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (Fraenkel & Norman, 1996)²⁶. Sampel kajian ialah murid-murid Pendidikan Moral berbangsa India khususnya daripada Tingkatan 1, 2, dan 4. Penyelidik mengadaptasi populasi dan persampelan Krejcie dan Morgan (1970)²⁷. Maka dalam populasi sebanyak 600 murid, penyelidik memilih 234 persampelan kajian sebagai responden kajian. Penyelidik menggunakan kaedah persampelan bertujuan “*purposive sampling*” disebabkan responden persampelan kajian telah dikenal pasti “*murid India Pendidikan Moral*” serta pemilihan sekolah-sekolah bermasalah gengsterisme sahaja. Manakala, target populasi kajian ini merupakan semua murid India Pendidikan Moral yang berumur di antara umur 13 hingga 16 tahun daripada Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 4.

● Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah tinjauan soal selidik “*questionnaire*” yang dijadikan asas bagi pengumpulan data dalam kajian kuantitatif ini (Tuckman, 1965)²⁸. Dengan izin *Inventory of Parents and Peer Attachment* (IPPA) telah diubahsuai untuk memenuhi objektif kajian ini. Instrumen IPPA direka oleh Mark T. Greenberg dan Gay Armsden pada tahun 1987. Item-item dalam instrumen ini telah digubal untuk meninjau sejauh manakah persekitaran sosial

tempat tinggal (PSTT); pendapatan seisi rumah (PSK); tahap pendidikan ibu bapa (TPIB); institusi kekeluargaan (IK); dominan diri remaja (DDR) dan pengaruh rakan sebaya (PRS) mempengaruhi tahap penglibatan diri murid, keinsafan emosi dominan sendiri serta tingkah laku murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan. Menurut Brog dan Gall (1989)³⁴ kaedah ini memberi pengumpulan maklumat yang tepat dengan kesahihan maklumat yang tinggi.

• Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Penyelidik telah menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik ini menerusi ujian rintis “*pilot test*” dengan menggunakan kaedah “*equivalent-form reliability*” demi mengenal pasti hubungan kepersisan dalaman antara item-item instrumen (*internal consistency correlation coefficient of items*). Kajian rintis telah dilangsungkan terhadap murid India Pendidikan Moral Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Analisis data kajian rintis menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* adalah $\alpha = 0.9241$. Ini menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai kesahan kandungan yang tinggi untuk mengukur tahap kesignifikan pemboleh ubah tak bersandar berbanding dengan pemboleh ubah bersandar dengan tepat.

Dapatan Kajian

• Persekitaran Sosial Tempat Tinggal

Penganalisan statistik ini dijalankan bagi meninjau sejauh manakah faktor persekitaran sosial tempat tinggal mempengaruhi penglibatan diri murid India dalam gejala gengsterisme. Jadual 1 menunjukkan nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi persekitaran sosial tempat tinggal.

Jadual 1

Pengiraan Min, S/D dan tahap bagi Persekitaran Sosial Tempat Tinggal (PSTT)

Bil	Item Soal Selidik	Min	S/D	Tahap
C1	Tiada infrastruktur yang baik.	3.99	0.987	Tinggi
C2	Tiada kemudahan sudut belajar.	3.58	1.192	Sederhana
C3	Tiada kemudahan bahan bacaan.	3.65	1.262	Sederhana
C4	Insiden kebakaran sering berlaku.	3.85	1.370	Tinggi
C5	Pergaduhan dan pertengkaran sering berlaku.	4.09	1.343	Tinggi
C6	Penderaan kanak-kanak sering berlaku.	3.89	1.198	Tinggi

C7	Minum arak berlebihan sering berlaku.	4.33	1.157	Tinggi
C8	Masalah jenayah berat sering berlaku.	3.75	1.043	Tinggi
C9	Gengsterisme & penagihan dadah sering berlaku.	3.90	1.039	Tinggi
C10_r	Keselamatan kawasan perumahan sangat tinggi.	3.88	1.121	Tinggi
C11	Kebersihan kawasan perumahan sangat teruk.	3.74	1.027	Tinggi
C12	Wabak penyakit berleluasa.	3.70	1.099	Tinggi
PURATA MIN & SISIHAN PIAWAI		3.86	1.153	TINGGI

Skor purata min 3.86 memperlihatkan faktor persekitaran sosial tempat tinggal keluarga responden yang tinggi (>3.66). Maka hasil dapatan kajian penyelidik dapat membuktikan bahawa faktor persekitaran sosial tempat tinggal keluarga responden adalah tidak sesuai dan tidak stabil. Item soal selidik C7 menunjukkan min tertinggi sebanyak 4.33. Min yang tinggi bagi item soal selidik ini menjelaskan bahawa kegiatan minum arak secara berlebihan sering berlaku di kawasan perumahan responden.

● Pendapatan Seisi Keluarga

Penganalisan statistik ini dijalankan bagi meninjau sejauh manakah faktor pendapatan seisi keluarga mempengaruhi penglibatan diri murid India dalam gejala gengsterisme. Jadual 2 menunjukkan nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi pendapatan seisi keluarga.

Jadual 2:

Pengiraan Min, S/D dan tahap bagi Pendapatan Seisi Keluarga (PSK)

Bil	Item Soal Selidik	Min	S/D	Tahap
C13	Daya membeli keluarga sangat lemah.	4.24	1.158	Tinggi
C14	Mempunyai masalah hutang yang belum dibayar.	4.05	1.233	Tinggi
C15	Tidak membeli barangan secara pembaziran.	4.38	0.886	Tinggi
C16	Setiap hari kami memasak makanan di rumah.	4.37	0.755	Tinggi

C17	Ibu bapa saya tiada pekerjaan tetap.	4.00	0.847	Tinggi
C18	Tiada kemudahan bantuan pendidikan.	4.13	0.776	Tinggi
C19	Tidak membeli barangan berjenama.	3.91	1.013	Tinggi
C20	Tumpang tinggal bersama sanak saudara.	3.00	1.323	Sederhana
PURATA MIN & SISIHAN PIAWAI		4.01	0.999	TINGGI

Skor min 4.01 memperlihatkan faktor pendapatan seisi keluarga responden yang tinggi (>3.66). Maka hasil dapatan kajian penyelidik dapat membuktikan bahawa faktor pendapatan seisi keluarga responden adalah tidak kukuh dan tidak stabil. Item soal selidik C15 menunjukkan min tertinggi sebanyak 4.38. Min yang tinggi bagi item soal selidik ini menjelaskan bahawa keluarga responden tidak mampu membeli barangan selain daripada barangan keperluan harian sahaja.

• Tahap Pendidikan Ibu Bapa

Penganalisan statistik ini dijalankan bagi meninjau sejauh manakah faktor tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi penglibatan diri murid India dalam gejala gengsterisme. Jadual 3 menunjukkan nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi Tahap Pendidikan Ibu Bapa (TPIB)

Jadual 3

Pengiraan Min, S/D dan tahap bagi Tahap Pendidikan Ibu Bapa (TPIB)

Bil	Item Soal Selidik	Min	S/D	Tahap
C21	Ibu bapa tidak mementingkan ilmu pendidikan.	4.13	1.090	Tinggi
C22	Ibu bapa tidak berpendidikan tinggi.	3.72	1.083	Tinggi
C23	Ibu bapa tidak membeli buku rujukan.	3.97	1.177	Tinggi
C24	Ibu bapa memaksa ahli keluarga untuk bekerja.	3.71	1.157	Tinggi
C25	Ibu bapa mementingkan nafkah hidup.	4.16	1.118	Tinggi
C26	Ibu bapa tidak mengetahui kepentingan pendidikan.	4.14	1.126	Tinggi

C27	Ibu bapa tiada pendidikan asas.	4.20	1.098	Tinggi
C28	Ibu bapa tidak merangsangkan penimbaan ilmu.	4.15	1.069	Tinggi
PURATA MIN & SISIHAN PIAWAI		4.02	1.115	TINGGI

Skor min 4.02 memperlihatkan faktor tahap pendidikan ibu bapa responden yang tinggi (>3.66). Maka hasil dapatan kajian penyelidikan dapat membuktikan bahawa faktor tahap pendidikan ibu bapa responden sememangnya cetek dan buta huruf. Item soal selidik C27 menunjukkan min tertinggi sebanyak 4.20. Min yang tinggi bagi item soal selidik ini menjelaskan bahawa ibu bapa responden tiada sebarang asas pendidikan, maka tidak memahami kepentingan ilmu akademik terhadap kebajikan anak-anak mereka.

● Institusi Kekeluargaan

Penganalisan statistik ini dijalankan bagi meninjau sejauh manakah faktor institusi kekeluargaan mempengaruhi penglibatan diri murid India dalam gejala gengsterisme. Jadual 4 menunjukkan nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi institusi kekeluargaan.

Jadual 4

Pengiraan Min, S/D dan tahap bagi Institusi Kekeluargaan (IK)

Bil	Item Soal Selidik	Min	S/D	Tahap
C29	Ahli keluarga tidak melaksanakan tanggungjawab.	3.83	0.773	Tinggi
C30	Saya tidak menyayangi keluarga.	3.55	0.976	Sederhana
C31	Saya tidak melaksanakan segala arahan.	3.67	1.119	Tinggi
C32	Keluarga tidak peduli perbelanjaan harian saya.	3.71	1.184	Tinggi
C33	Keluarga tidak peduli masalah kewangan saya.	3.73	1.132	Tinggi
C34	Saya tidak berbincang masalah dengan keluarga.	4.08	1.083	Tinggi
C35	Saya tidak peduli impian keluarga saya.	3.71	1.239	Tinggi
C36	Keluarga tidak melibatkan diri dalam akitivi PIBG.	3.86	1.076	Tinggi

C37	Keluarga tidak berbincang dengan guru sekolah.	3.97	0.861	Tinggi
C38_r	Saya menerima kasih sayang dengan secukupnya.	3.62	1.319	Sederhana
C39	Saya berasa kurang selamat bersama keluarga.	3.75	0.916	Tinggi
C40	Saya boleh menyelesaikan masalah tanpa bantuan.	4.15	1.004	Tinggi
PURATA MIN & SISIHAN PIAWAI		3.80	1.057	TINGGI

Skor min 3.80 memperlihatkan faktor institusi kekeluargaan responden yang tinggi (>3.66). Maka hasil dapatan kajian penyelidikan dapat membuktikan bahawa faktor institusi kekeluargaan responden yang tidak kukuh dan tidak stabil. Item soal selidik C40 menunjukkan min tertinggi sebanyak 4.15. Min yang tinggi bagi item soal selidik ini menjelaskan bahawa responden boleh menyelesaikan masalah tanpa bantuan ahli keluarganya. Sebaliknya bergantung harap kepada sokongan dan pertolongan daripada rakan gengnya.

• Dominan Diri Remaja

Penganalisan statistik ini dijalankan bagi meninjau sejauh manakah faktor dominan diri remaja mempengaruhi penglibatan diri murid India dalam gejala gengsterisme. Jadual 5 menunjukkan nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi dominan diri remaja.

Jadual 5

Pengiraan Min, S/D dan Tahap bagi Dominan Diri Remaja (DDR)

Bil	Item Soal Selidik	Min	S/D	Tahap
C41	Saya suka mendapatkan pandangan rakan.	4.42	0.800	Tinggi
C42	Saya merasa tenang jika dapat bersama rakan.	4.48	0.742	Tinggi
C43	Saya perlu berhubung lebih kerap dengan rakan.	4.39	0.859	Tinggi
C44	Saya gembira apabila rakan menerima gaya hidup.	4.46	0.730	Tinggi
C45	Saya merasa kesunyian jika tidak bersama rakan.	4.39	0.883	Tinggi

C46	Saya dibantu oleh rakan untuk mengenali diri.	4.28	0.916	Tinggi
C47	Saya dapat bergantung harap kepada rakan.	4.05	1.196	Tinggi
C48	Saya menganggap rakan sebagai pedoman hidup.	4.25	1.002	Tinggi
C49	Saya menerima rakan sebagai ahli keluarga sendiri.	4.43	0.837	Tinggi
C50_r	Saya tidak mempercayai hasutan rakan.	4.45	0.935	Tinggi
C51	Saya gembira apabila rakan menjamin keseronokan.	4.42	0.738	Tinggi
C52	Saya gembira mendapat rakan berfikiran sehaluan.	4.44	0.746	Tinggi
PURATA MIN & SISIHAN PIAWAI		4.37	0.865	TINGGI

Skor min 4.37 memperlihatkan faktor dominan diri remaja yang tinggi (>3.66). Maka hasil dapatan kajian penyelidik dapat membuktikan bahawa faktor dominan diri remaja sememangnya sangat kuat semangat untuk menyertai gerakan antisosial gengsterisme. Item soal selidik C42 menunjukkan min tertinggi sebanyak 4.48. Min yang tinggi bagi item soal selidik ini menjelaskan bahawa responden berasa tenang jika dapat bersama dengan rakannya.

● Pengaruh Rakan Sebaya

Penganalisan statistik ini dijalankan bagi meninjau sejauh manakah faktor pengaruh rakan sebaya mempengaruhi penglibatan diri murid India dalam gejala gengsterisme. Jadual 6 menunjukkan nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi Pengaruh Rakan Sebaya (PRS)

Jadual 6

Pengiraan Min, S/D dan tahap bagi Pengaruh Rakan Sebaya (PRS)

Bil	Item Soal Selidik	Min	S/D	Tahap
C53	Saya tidak berasa marah terhadap rakan.	4.20	1.017	Tinggi
C54	Rakan sering mengambil berat perihal diri saya.	4.42	0.733	Tinggi
C55	Rakan menguruskan permasalahan kewangan saya.	4.27	0.899	Tinggi

C56	Rakan menyelesaikan kerunsingan saya.	4.42	0.805	Tinggi
C57	Saya dan rakan mudah berbincang.	4.48	0.731	Tinggi
C58	Saya berkongsi kesedihan bersama rakan.	4.54	0.700	Tinggi
C59	Rakan memahami perasaan saya.	4.54	0.759	Tinggi
C60	Saya berkongsi kesusahan bersama rakan.	4.50	0.793	Tinggi
PURATA MIN & SISIHAN PIAWAI		4.42	0.805	TINGGI

Skor min 4.42 memperlihatkan faktor pengaruh rakan sebaya responden yang tinggi (>3.66). Maka hasil dapatan kajian penyelidik dapat membuktikan bahawa faktor pengaruh rakan sebaya responden sememangnya sangat kuat pengaruh untuk menyertai gerakan gengsterisme. Item soal selidik C58 dan C59 menunjukkan min tertinggi sebanyak 4.54. Min yang tinggi bagi item-item soal selidik ini menjelaskan bahawa rakan sebaya memahami perasaan responden dan bersedia berkongsi kesedihan responden.

• Interpretasi Skor Min bagi Kesemua Faktor Penyumbang Gejala Gengsterisme

Jadual 7 menunjukkan keputusan serta interpretasi skor min bagi kesemua faktor penyumbang yang mendorong penglibatan diri murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan dalam gejala gengsterisme.

Jadual 7

Interpretasi penglibatan diri murid & faktor-faktor penyumbang gengsterisme

SUB-TOPIK	INTERPRETASI
PDM	Penglibatan diri murid yang sepenuhnya dalam gejala gengsterisme.
PSTT	Persekitaran sosial tempat tinggal, tidak sesuai dan tidak stabil.
PSK	Pendapatan seisi keluarga yang tidak kukuh dan tidak stabil.
TPIB	Tahap pendidikan ibu bapa yang cetek dan buta huruf.

IK	Institusi kekeluargaan yang tidak kukuh dan tidak stabil.
DDR	Dominan diri remaja yang sangat kuat semangat untuk menyertai geng.
PRS	Pengaruh rakan sebaya yang sangat kuat untuk menyertai geng.

Keputusan skor min bagi setiap faktor penyumbang daripada aspek penglibatan diri murid (PDM) dan taraf sosioekonomi keluarga (TSK) telah menunjukkan nilai skor min yang tinggi iaitu lebih daripada 3.66 (Sekaran, 1992)²⁹. Penganalisan statistik menerusi SPSS Versi 23.0 bagi kesemua item-item soal selidik mengikut subseksyen, telah membuktikan bahawa faktor-faktor taraf sosioekonomi keluarga seperti persekitaran sosial tempat tinggal, pendapatan seisi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa, institusi kekeluargaan, dominan diri remaja dan pengaruh rakan sebaya sememangnya merupakan faktor-faktor pendorong bagi penglibatan diri murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan dalam gejala gengsterisme.

- **Keseluruhan Skor Min, Ujian ANOVA *sehala* & Korelasi Pearson bagi TSK**

Jadual 8 meringkaskan keputusan penganalisan statistik SPSS Versi 23.0 bagi keseluruhan skor min, Ujian ANOVA *sehala* dan Korelasi Pearson bagi taraf sosioekonomi keluarga (TSK) responden.

Jadual 8

Skor Min, Ujian ANOVA & Korelasi Pearson bagi Taraf Sosioekonomi Keluarga

Faktor-Faktor Menyumbang	Min	ANOVA <i>sehala</i>	Korelasi Pearson
PSTT	3.86	0.000*	0.789**
PSK	4.01	0.000*	0.701**
TPIB	4.02	0.000*	0.760**
IK	3.80	0.000*	0.821**
DDR	4.37	0.000*	0.545**

PRS	4.42	0.000*	0.535**
Persoalan Kajian 3 (TSK)	4.08	0.000*	0.692**

*signifikan ($P < 0.05$) / **Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2 tailed)

Penganalisan statistik SPSS Versi 23.0, menerusi Ujian ANOVA *sehala* dan Korelasi Pearson telah membuktikan bahawa terdapat hubungan signifikan di antara taraf sosioekonomi keluarga dengan penglibatan diri murid India Pendidikan Moral dalam gejala gengsterisme. Skor yang nyata bagi ANOVA *sehala* dan Korelasi Pearson telah menunjukkan hubungan signifikan (* $P < 0.05$; **Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01, Taburan Binomial 2-ekor). Maka, nilai-nilai skor dalam Jadual 8 telah mengukuhkan kajian penyelidik serta membuktikan bahawa terdapat hubungan signifikan di antara pemboleh ubah tak bersandar (taraf sosioekonomi keluarga - TSK) dengan pemboleh ubah bersandar (tahap penglibatan diri murid India Pendidikan Moral dalam gejala gengsterisme - PDM).

Perbincangan

Hasil dapatan kajian penyelidik berserta sorotan kajian lepas membuktikan bahawa belunggu taraf sosioekonomi keluarga (TSK), keretakan institusi kekeluargaan (IK) dan kebuntuan peluang pendidikan sesuatu masyarakat minoriti merupakan faktor-faktor penyebab utama bagi perangsangan tindakbalas keganasan menerusi gejala gengsterisme. Manakala, tuduhan kegagalan matapelajaran Pendidikan Moral untuk menerapkan nilai-nilai moral adalah suatu tohmahan yang tidak benar, tidak berasas serta tidak dapat dibuktikan menerusi kajian penyelidik ini (Nadarajan Thambu, 2019)³⁰. Disebabkan belunggu taraf sosioekonomi keluarga (TSK), remaja daripada masyarakat minoriti ini telah kehilangan pedoman hidup lalu melibatkan diri dalam pelbagai gejala antisosial. Fenomena ini telah menyebabkan keruntuhan moral serta akhlak dalam kalangan murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Sebaliknya, dapatan kajian penyelidik telah membuktikan bahawa belunggu taraf sosioekonomi keluarga yang memainkan peranan dominan ke arah penglibatan diri murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan dalam gejala gengsterisme. Dalam pada itu, hasil dapatan kajian penyelidik turut bersehaluan dengan kajian Vania dan Sturmey (2017)³¹ yang menjelaskan bahawa belunggu taraf sosioekonomi keluarga (TSK), kesempitan peluang pendidikan di Universiti tempatan, kekurangan biasiswa pendidikan (Paulo Freire, 1968)³² dan peluang pekerjaan yang tipis telah memaksa golongan remaja/belia melibatkan diri dalam gejala gengsterisme, penagihan/pengedaran najis dadah, penculikan, peragutan, pembunuhan, jenayah berat dan pelbagai jenis gejala antisosial. Menurut beliau status kekeluargaan dengan silaturahim sesama anggota keluarga yang lemah turut membantutkan pedoman ibu bapa terhadap anak-anak

mereka, lalu pengaruh rakan sebaya devian meresapi serta menjadi lebih ketara dan kukuh dalam hidup kanak-kanak tersebut.

Justeru, perhatian daripada luar rumah telah mencorakkan tingkah laku dan perangai belia India kini (Nadarajan Thambu, 2019)³³. Masalah ini perlu ditangani dengan kadar segera disebabkan murid-murid yang menghadiri sekolah banyak membawa nilai-nilai kekeluargaan dan persekitaran yang negatif seperti mana dinyatakan dalam Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura (1977)³⁴. Dalam pada itu, Teori Hierarki Keperluan Abraham Maslow (1943)³⁵ pula menyatakan bahawa kekurangan duit saku dan keperluan asas diri (PSK) merancakkan lagi penglibatan remaja dalam gejala gengsterisme. Begitu juga Teori Pembentukan Moral Kohlberg (1969)²⁰ yang menyatakan bahawa murid-murid yang tidak mempunyai kematangan moral mudah terjerumus dalam pelbagai jenis gejala antisosial. Pada masa yang sama, hasil dapatan kajian penyelidik juga selaras dengan Model Conger (2010)³⁶ “*Family Stress Model of Economic Hardship*” yang menghuraikan bahawa kebanyakan remaja daripada latar belakang belunggu taraf sosioekonomi keluarga (TSK) serta keretakan institusi kekeluargaan (IK) memiliki sifat individualistik dan hanya mementingkan kehendak diri sendiri tanpa mempedulikan undang-undang serta norma-norma masyarakat setempat.

Menurut Denison Jeyasuria (dalam Janakey Raman, 2010)³⁷ ramai murid India Pendidikan Moral yang bermastautin dipersekitaran bandar raya mengalami belunggu taraf sosioekonomi keluarga (TSK) serta mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya devian (PRS) mereka untuk melibatkan diri dalam gejala gengsterisme. Maka hasil dapatan kajian ini menunjukkan kesemua subseksyen dalam taraf sosioekonomi keluarga (TSK) seperti persekitaran sosial tempat tinggal (PSTT); pendapatan seisi keluarga (PSK); tahap pendidikan ibu bapa (TPIB); institusi kekeluargaan (IK); dominan diri remaja (DDR) dan pengaruh rakan sebaya (PRS) menjadi faktor penyumbang kepada penglibatan murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan dalam gejala gengsterisme (Anbalakan, 2003)³⁸. Dalam pada itu, hasil dapatan kajian penyelidik ini turut menyokong dapatan kajian oleh Kernial Singh (1958)³⁹; Arasaratnam (1970)⁴⁰; Marimuthu (1975)⁴¹ dan Ramasamy (1993)⁴² bahawa kesemua faktor-faktor taraf sosioekonomi keluarga yang dimaksudkan sepertimana diatas sememangnya memberikan pengaruh yang besar kepada penularan gejala gengsterisme dalam kalangan murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Penglibatan murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan dalam gejala antisosial gengsterisme tidak boleh dinafikan lagi. Dalam pada itu, terdapat hubungan yang erat di antara pelajar yang melakukan penganasan membuli dengan penglibatan pelajar tersebut dalam gejala antisosial gengsterisme semasa dewasa kelak (Farrington, 1993)⁴³. Pengalaman pahit daripada persekitaran sosial tempat tinggal, ketidakcukupan duit saku disertai dengan pertikaian di rumah merangsangkan remaja daripada latar belakang keluarga sebegini untuk mencari keselesaan hidup di luar rumah (Johannan Sim, 2015)⁴⁴. Mulai detik-detik kehidupan sebeginilah pengaruh rakan sebaya devian memainkan peranan yang penting dalam hidup remaja yang tidak

stabil ini. Remaja sebegini menjadi rekrut baru dalam geng-geng yang sedia wujud (Sapto Pradityo, 2018)⁴⁵.

Natijahnya, hasil dapatan kajian penyelidik telah membuktikan bahawa terdapat hubungan signifikan di antara taraf sosioekonomi keluarga (TSK) dengan penglibatan diri murid India Pendidikan Moral (PDM) dalam gejala gengsterisme. Seterusnya, dapatan kajian ini turut bersehaluan dengan sorotan pengkaji-pengkaji lepas berkenaan kemiskinan negara yang utama seperti Chamhuri Siwar et al. (2016)⁴⁶; Sulochana dan Sagar (2015)⁴⁷ yang menjelaskan bahawa belenggu taraf sosioekonomi keluarga (TSK) dan pengaruh rakan sebaya merupakan pendorong utama bagi para remaja/murid India Pendidikan Moral daripada masyarakat yang terpinggir untuk terjerumus dalam gejala gengsterisme.

Kesimpulan

Justeru, kecenderungan murid India Pendidikan Moral untuk melibatkan diri dalam gejala gengsterisme memang jelas disebabkan beberapa kepincangan yang wujud dalam aspek taraf sosioekonomi keluarga kaum India (Seffetullah Kuldass et al., 2015)⁸. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa belenggu taraf sosioekonomi keluarga India yang memainkan peranan dominan ke arah gejala gengsterisme. Tuntasnya, kajian ini telah membuka satu pemikiran baru kepada semua “*stakeholders*” Pendidikan Moral khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); guru-guru Pendidikan Moral; para ibu bapa; pihak NGO dan orang perseorangan, bahawasanya gejala gengsterisme yang berlaku dalam kalangan remaja khususnya murid India Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan seharusnya ditangani dalam prespektif yang lain. Perubahan dan transformasi sosial dari aspek taraf sosioekonomi keluarga seharusnya diperkukuhkan supaya masyarakat minoriti ini menjadi lebih berdisiplin serta dapat mengatasi belenggu kemiskinan dan menjauhi diri mereka daripada segala gejala antisosial.

Rujukan:

1. Alagappan, P., Len, C.W., George, M., Lee, A.S.H., & Wong, M.S.H. (2005). Gangsterism among teenagers in Malaysia. *Taylor's College*. Retrieved from <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/listseminar/7.qram05/session2/100.ponmalaralagappan.pdf>.
2. Numbeo. (2018). Crime index by country. *World crime index rate*. Retrieved from <https://www.numbeo.com>.
3. World of Buzz. (2017). Malaysia ranks number 1 in South East Asia for highest crime rate. *World Crime Index Rate*. Retrieved from <https://www.worldofbuzz.com>.
4. Khalid Abu Bakar. (2017). An extraordinary and loyal policeman. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2017/09/276059/khalid-abu-bakar-extraordinary-and-loyal-policeman>.

5. Rueben Ananthan, S.D. (2019). Crime trends and patterns in Malaysia. *Kyoto review of Southeast Asia*. Retrieved from <https://kyotoreview.org/trendsetters/crime-trends-and-patterns-in-malaysia/>.
6. UNICEF. (2010). Children without: A study of urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur. *United Nations Children's Fund*. Retrieved from <https://www.unicef.org/malaysia>.
7. Abdul Kadir, N.B., Rahim, S.A., Mustapha, Z., Abdul Mutalib, M.H., Kee, C.P., & Mohamed, R.H. (2012). External assets as predictors of positive emotions among at-risk youth in Malaysia. *Asian Journal of Social Work and Policy Review*, 6(1), 203-217.
8. Seffetullah Kuldass., Shahabuddin Hashim., & Hairul Nizam Ismail. (2015). Malaysian adolescent students' needs for enhancing thinking skills, counteracting risk factors and demonstrating academic resilience. *International Journal of Adolescence and Youth*, 20(1), 32-47.
9. Azizi Yahaya., & Badruzaman Baharom. (2006). *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di daerah Pontian Johor*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia. Johor Baharu.
10. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Preschool to post-secondary education*. Malaysia Education Blueprint 2013 – 2025, Putrajaya: Government Printers.
11. Mahdzir Khalid. (2017). Subjek sivik mungkin akan diperkenalkan semula, mengukuh dan menerapkan nilai perpaduan dalam kalangan pelajar yang semakin pudar. *Utusan Borneo*. Diakses daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2017/04/18/subjek-sivik-mungkin-akan-diperkenalkan-semula>.
12. Nooraisah Katmun., Siti Rafizah Zakaria., & Mohd Abdullah Jusoh. (2014). Faktor penentu masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. *Management Research Journal*, 3, 140-154.
13. Rohani Abdul Karim. (2017). Kaji semula hukuman buang sekolah. *MyMetro*. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/10/269224/>.
14. Rosalwani Che Soh. (2015). Pelajar direkrut jual, menagih dadah. *Sinar Online*. Diakses daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/hiburan/pelajar-direkrut-jual-menagih-dadah-1.378495>.
15. Nilay Ozkan Kuyel, B.S. (2002). *A comparison of moral reasoning and moral orientation American and Turkish university students*. Masters thesis, which is not been published, Department of Counselling, Development and Higher Education, University of North Texas.
16. Polis Diraja Malaysia. (2012). Bukit Aman statistics on crime. *Malaysiakini*. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/207296>.
17. Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2013). *Laporan Tahunan AADK*. Kuala Lumpur: Government Printers.
18. Suppiah Nachiappan., Sandra Piriya Perumalsamy., Fatimah Haji Mohd Zulkafaly., & Hari Krishnan Andi. (2014). Penyalahgunaan dadah dan langkah mengatasi dari segi kognitif di pusat Pengasih Malaysia. *Journal Peradaban Melayu*, 9, 176-184.
19. Lee Lam Thye. (2017). Sekolah, polis perlu bekerjasama atasi gangsterisme. *Berita Harian*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/node/278575>.
20. Lawrence Kohlberg. (1969). Stage and sequence: The cognitive development approach to socialization. In Goslin, D.A. (Eds.), *Handbook of socialization theory of research* (pp. 347-480). Chicago: Rand McNally Press.

21. Badrulzaman Baharom. (2006). *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di daerah Pontian, Johor*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
22. Amar Singh Sidhu. (2005). The rise of crime in Malaysia: An academic and statistical analysis. *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College*, 4(1), 17-28.
23. Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative research for education*. An Introduction to Theory and Methods, Boston: Allyn & Bacon Press.
24. Mohd Majid Konting. (1998). Teacher effectiveness: The beliefs of effective Bahasa Melayu teachers' pertanika. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 6(1), 1-12.
25. Kerlinger, F.N. (1970). *Foundation of behavioural research*. New York: Holt, Rinehart and Winston Press.
26. Fraenkel, J.R., Wallen, N.E., & Hyun, H.H. (1996). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
27. Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement Journal*, 30(3), 607-610.
28. Tuckman, B.W. (1965). Development sequence in small groups. *Journal of Psychological Bulletin*, 63(6), 384-399.
29. Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill building approach*. (2nd Ed). United States of America, USA: John Wiley & Sons, Inc. Publishing.
30. Nadarajan Thambu. (2019). Penerapan nilai alam sekitar melalui teknik drama di dalam kelas Pendidikan Moral: Satu kajian tindakan. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 188-206. <https://doi.org/10.33306/mjssh/14>.
31. Vania Ceccato., & Peter Sturme. (2017). Does Poverty Cause Violence? *Wiley Online Library*. Retrieved from <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1002/9781119057574.whbva031>.
32. Paulo Freire. (1968). *Pedagogy of the oppressed*. New York: Seabury Press.
33. Nadarajan Thambu. (2019). Potensi unsur-unsur Teater Forum dalam pembentukan insan menyeluruh: Dapatan kajian kualitatif kelas Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 77-95.
34. Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
35. Maslow, A.H. (1943). A theory of human motivation. *Journal of Psychological Review*, 50(4), 370-396.
36. Conger, R.D. (2010). Socio-economic status, family processes, and individual development. *Journal of Marriage and Family*, 72(1), 685-704.
37. Denison Jeyasuria. (1998). The poverty threshold must be revised. In Janakey Raman, *The Malaysian Indian dilemma: The struggles and agony of the Indian community in Malaysia*, (pp. 263). Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre Publisher.
38. Anbalakan, K. (2003). The New Economic Policy and further marginalization of the Indians. *Kajian Malaysia*. Retrieved from <http://web.usm.my/km/KM%2021,2003/21-16.pdf>.
39. Kernial Singh Sandhu. (1958). *Indian migration and population change in Malaya, c.100-1957 A.D.* Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
40. Arasaratnam, S. (1970). *Indians in Malaysia and Singapore*. Singapore: Oxford University Press.
41. Marimuthu, T. (1975). The influence of home background on educational careers and aspirations of Tamil youths in Peninsular Malaysia. Unpublished PhD Dissertation, University of Manchester, England.

42. Ramasamy, P. (1993). *Socio-economic transformation of Malaysian Indian plantation workers*. Indian Communities in Southeast Asia, Singapore: Time Academic Press.
43. Farrington, D.P. (1993). Understanding and preventing bullying. *Journal of Crime and Justice*, 17, 381-458.
44. Johannan Sim. (2015). Dei, why are so many Malaysian gang members Indians? *Cilisos.my*. Retrieved from <https://cilisos.my/dei-why-are-so-many-malaysian-gang-members-indian/>.
45. Sapto Pradityo. (2018). India Jadi Gangster Di Malaysia. *Detik X*. Diakses daripada <https://news.detik.com/x/detail/intermeso/20180213/India-Jadi-Gangster-di-Malaysia>.
46. Chamhuri Siwar., Ferdoushi Ahmed., Ahmad Bashawir., & Md. Shahin Mia. (2016). Urbanisation and urban poverty in Malaysia: Consequences and vulnerability. *Journal of Applied Sciences*, 10(1), 154-160.
47. Sulochana Nair., & Sagar, S. (2015). Poverty in Malaysia: Need for a paradigm shift. *Institutions and Economics Journal*, 7(3), 95-123.